




# **MANUAL KHUTBAH JUMAAT**

**TAJUK ;  
LAMBAIAN  
KAABAH**



Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
Jabatan Agama Islam Selangor





## "LAMBAIAN KAABAH".1

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلُ : وَأَذْنَ فِي النَّاسِ بِالْحَجَّ يَا تُوكَ رِجَالًا وَعَلَى كُلِّ ضَامِرٍ

2

يَا تَيْنَ مِن كُلِّ فَجَّ عَمِيقٍ

٢٧

أَشْهَدُ أَن لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

3

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! إِتَّقُوا اللَّهَ! أُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَّقُوا اللَّهُ فَقَدْ فَارَ المُتَّقُونَ.

4

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ

١٠٦

إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Marilah kita memberi sepenuh tumpuan kepada khutbah yang disampaikan. Janganlah berbual-bual dan berleka-leka dengan telefon bimbit. Semoga kita mendapat manfaat daripada khutbah yang disampaikan ini.

5

Sempena bulan Haji mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk "**LAMBAIAN KAABAH**".

6



Ibadat Haji merupakan salah satu rukun Islam yang wajib dilaksanakan oleh setiap Muslim yang mukallaf. Tuntutan dan kewajipannya hanya sekali seumur hidup bagi yang berkemampuan dan berkuasa menampung perbelanjaan urusan Haji serta perbelanjaan nafkah tanggungan keluarga yang ditinggalkan. Ibadah Haji bukan sekadar melancong dan bersantai semata-mata malah ia merupakan kembara multi-dimensi merangkumi pelaksanaan ibadah secara fizikal, rohani dan harta bagi menjadi tetamu Allah SWT dan meraih reda-Nya.

7

Firman Allah SWT di dalam surah al-Hajj ayat 27 bermaksud :

*"Dan serukanlah umat manusia untuk mengerjakan ibadat Haji, nescaya mereka akan datang ke (rumah Tuhan)mu dengan berjalan kaki, dan dengan menunggang berjenis-jenis unta yang kurus, yang datangnya dari berbagai jalan (dan ceruk rantau) yang jauh"*

8

Apabila seseorang dijemput menjadi *Duyuf al-Rahman*, sudah tentu dia meninggalkan segala kesenangan dunia dengan meninggalkan harta, anak-anak, ahli keluarga, ibu-bapa, pekerjaan, perniagaan dan sebagainya. Disana, kedudukan manusia adalah sama tanpa terkecuali melainkan amalan dan ketaqwaan kepada Allah SWT. Allah SWT memuliakan *Duyuf al-Rahman* tanpa mengira bangsa, warna kulit, status dan kedudukan. Sebagai tetamu yang terpilih, anggaplah ia adalah peluang keemasan dan nikmat kurnian Allah SWT kepada hamba-Nya agar dapat beribadat dengan tekun dan mengharapkan pengampunan daripada Allah SWT.

9

Firman Allah SWT di dalam surah al-Baqarah ayat 197 :

أَلْحَجُ أَشْهُرٌ مَعْلُومٌ فَمَنْ فَرَضَ فِيهِنَّ الْحَجَّ فَلَا رَفَثَ وَلَا فُسُوقٌ  
وَلَا جِدَالٌ فِي الْحَجَّ

10



*"Musim Haji itu adalah beberapa bulan yang dimaklumi. Sesiapa yang mewajibkan Haji ke atas dirinya dalam tempoh itu, dia tidak boleh mencampuri isteri, tidak boleh membuat maksiat dan tidak boleh bertengkar pada masa mengerjakan ibadah Haji.*

11

Sebagai hamba Allah SWT, kita tidak terkecuali dari mendapat cabaran dan ujian hidup di dunia. Begitu juga, ujian dan dugaan di Tanah Suci. Maka, jangan berkeluh-kesah, merasa kesal dan marah dengan dugaan serta mempertikaikan ketentuan Allah SWT. Sudah pastinya ujian datang dari Allah SWT dan kepada-Nya jualah kita memohon pertolongan. Beribadahlah dengan tenang dan sabar, memperbanyakkan istighfar serta bermuhasabah dengan dosa-dosa yang lalu. Mudah-mudahan Haji yang dikerjakan dibalas dengan ribuan kebaikan.

12

Hadis daripada Jabir Radhiallahu anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

*"Tiada ada hari yang paling baik di sisi Allah melainkan hari Arafah. Allah turun ke langit dunia (memberi sepenuh penumpuan) dan bermegah-megah dengan penduduk langit untuk penduduk dunia, Lantas berkata, "Lihatlah kepada hamba-Ku, mereka berkumpul di hadapan dengan penuh debu, mereka datang dari semua penjuru yang jauh, mereka mengharapkan rahmat-Ku, dan tidak mengharapkan azab, maka tidak dilihat hari yang lebih banyak pelepasan daripada api neraka-Ku daripada hari Arafah."*

13

*(Riwayat Ibnu Hibban).*



Apabila terpilih menjadi tetamu Allah SWT, bermujahadahlah untuk melaksanakan ibadat dengan tekun dan bersungguh-sungguh. Tidak dinafikan terdapat cabaran dan dugaan dalam melaksanakan ibadat Haji. Kadang-kala, sering merasa rindu kepada anak-anak dan kampung halaman, ujian cuaca yang panas, sakit yang melemahkan jasad dan rohani seperti demam, batuk dan selsema berpanjangan, kaki sakit kesan berjalan di Tanah Suci. Begitu juga, dihalau oleh penguat kuasa, bersesak-sesak di tempat tawaf dan saei, ruang khemah di Mina yang sempit dan kurang selesa, jauh berjalan ke tempat melontar di Jamarat dan tersekat di Muzdalifah menjadikan kita berfikir dan merenung dalam diri. apakah hikmah terbesar pelaksanaan ibadah Haji yang memerlukan persediaan kekuatan fizikal, rohani dan harta bagi mendapatkan ibadah Haji yang mabruk.

14

Oleh itu, bertawakkal kepada Allah SWT dengan menyerahkan segala urusan kepada-Nya. Ini kerana, Allah SWT suka dan kasih kepada mereka yang berserah diri kepada-Nya. Anggaplah ia cabaran dan dugaan dalam melaksanakan ketaatan dan ketundukan kepada Allah SWT, tuhan Yang Maha Agung.

15

Firman Allah SWT dalam surah al-Mumtahanah ayat 4 :

رَبَّنَا عَلَيْكَ تَوَكُّلُنَا وَإِلَيْكَ أَنْبَنَا وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ ﴿٤﴾

16

"Wahai Tuhan kami! Kepada Engkaulah sahaja kami berserah diri, dan kepada Engkaulah kami rujuk bertaubat, serta kepada Engkaulah juga tempat kembali"

17



Matlamat utama ibadah Haji adalah untuk meraih Haji mabrur. Ia merupakan impian dan cita-cita setiap bakal jemaah Haji yang ingin mengembara menyahut lambaian Kaabah. Kalimah *al-Mabrur* sebagai *al-Maqbul* iaitu "diterima". Dengan kata lain Haji mabrur adalah Haji untuk mendapatkan kebaikan atau Haji yang (pelakunya) menjadi baik. Menurut sebahagian ulama, ciri-ciri Haji mabrur adalah perubahan perilakunya menjadi lebih taat dan tunduk kepada Allah SWT setelah melaksanakan ibadah Haji.

18

Beberapa ciri Haji mabrur yang boleh dinyatakan adalah menjaga dan memelihara lisan daripada kata-kata yang keji dan buruk, berusaha mempertautkan silaturahim dan *ukhuwah Islamiyyah*, Istiqamah dalam solat berjemaah dan amalan bersedekah. Seseorang yang mendapatkan Haji Mabrur akan mendapatkan ganjaran syurga daripada Allah SWT. Mereka akan sentiasa meningkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya dan menjaga hubungan baik sesama manusia dan makhluk dengan menjaga kata-kata dan perbuatannya.

19

Daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

**وَالْحَجُّ الْمَبْرُورُ لَيْسَ لَهُ جَزَاءٌ إِلَّا الْجَنَّةُ**

"Haji Mabrur itu tiada balasannya melainkan syurga."

20

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

**مَنْ حَجَّ فَلَمْ يَرْفُثْ، وَلَمْ يَفْسُقْ، رَجَعَ كَيْوُمْ وَلَدَتْهُ أُمُّهُ**

21



"Sesiapa yang mengerjakan haji maka tidak bersetubuh (dengan isterinya), tidak berbuat maksiat, dan tidak berbantah-bantahan (dalam ibadah haji), maka dia kembali dari haji dalam keadaan suci dan bersih dari dosa sebagaimana pada hari dia dilahirkan oleh ibunya."

22

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Bersegera dan berusahalah menyediakan kemampuan diri untuk menunaikan ibadah Haji bagi yang belum diberikan kesempatan untuk menunaikannya. Jika masih belum menabung, rancanglah pelaburan dan persiapan untuk menjadi tetamu Allah SWT pada suatu hari nanti.

23

Daripada Ibnu Abbas Radhiallahu anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

تَعَجَّلُوا إِلَى الْحَجَّ يَعْنِي الْفَرِيضَةَ فَإِنَّ أَحَدَكُمْ لَا يَدْرِي مَا يَعْرِضُ لَهُ

24

"Segeralah kamu menunaikan haji (yang wajib) kerana kamu tidak mengetahui apa-apa yang mungkin menimpa"

25

(Riwayat Imam Ahmad).

Mudah-mudahan mereka yang belum berkesempatan untuk mengerjakan ibadat Haji dapat menyusul menjadi tetamu Allah SWT dan menyahut panggilan Kaabah di Tanah Suci Mekah. Bagi bakal jemaah Haji mimbar mendoakan menjadi *Duyuf al-Rahman* (tetamu Allah SWT ke Mekah) dan mendapat Haji yang mabruur dengan lafaz :

26

زَوَّدْكَ اللَّهُ التَّقْوَى وَغَفَرَ ذَنْبَكَ وَيَسَّرْ لَكَ الْخَيْرَ حَيْثُمَا كُنْتَ



"Semoga Allah SWT membekalkanmu dengan ketaqwaan, mengampunkan dosamu dan Allah memudahkan kebaikan untukmu di mana sahaja kamu berada."

27

Mengakhiri khutbah, marilah sama-sama kita mengambil pengajaran dan penghayatan agar dijadikan pedoman dalam hidup. Antaranya ialah:

1. Umat Islam hendaklah yakin bahawa Allah SWT mencintai dan mengasihi orang yang berkorban harta, masa dan tenaga untuk mengerjakan ibadat Haji di Tanah Suci Mekah.
2. Umat Islam hendaklah menjadikan matlamat utama ibadah Haji adalah untuk meraih Haji mabrur. Ia merupakan impian dan cita-cita setiap bakal jemaah Haji yang ingin mengembara menyahut lambaian Kaabah.
3. Mukmin yang mampu dan cukup syarat menunaikan ibadah Haji adalah wajib menunaikan ibadah tersebut.

28

لَبَيْكَ اللَّهُمَّ لَبَيْكَ، لَبَيْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ لَبَيْكَ، إِنَّ الْحَمْدَ  
وَالنِّعْمَةَ لَكَ وَالْمُلْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ

29

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
إِنَّ أَوَّلَ بَيْتٍ وُضِعَ لِلنَّاسِ لِلَّذِي بِكَثَةِ مُبَارَّكًا وَهُدًى لِلْعَالَمِينَ

30



"Sesungguhnya rumah ibadat yang mula-mula dibina untuk manusia (beribadat kepada Tuhan) ialah Baitullah yang di Mekah, yang berkat dan (dijadikan) petunjuk hidayah bagi umat manusia."

31

(Surah Ali Imran : 96).

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنْ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ.

32

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

33



## KHUTBAH KEDUA

1	آللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ مَا جَعَلْتَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقْنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. إِنَّا نَسْأَلُكَ أَنْ لا يَكُونَ لَهُ شَرِيكٌ لَّهٗ،
2	وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. آللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَعَاهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيْكُمْ وَإِيَّا يَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	إِنَّ اللَّهَ وَمَلِكَتَهُ وَيُصَلُّونَ عَلَى الْتَّبِيِّ يَأْتُهَا الْذِينَ ءامَنُوا صَلَوَةً عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
5	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
6	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُحِيطٌ بِالدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.
7	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظْ بِعَيْنِ عِنَائِتَكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحَفْظِ وِقَائِتَكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،



جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانِ سَلَّاْغُورِ، سُلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ

8

شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيٍّ

9

عَهْدِ سَلَّاْغُورِ، تَغْكُوْ أَمِيرَ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ

الْحَاجِ،

فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرِيمَكَ يَا ذَالْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلِ

10

عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُؤَظْفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبِلْعَ مَقَاصِدُهُمَا لِطَرِيقِ

الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah! kami berlindung dengan-Mu daripada ujian yang berat, daripada ditimpa kecelakaan, dari buruknya takdir dan dari kegembiraan para musuh atas ujian dan kecelakaan yang menimpa kami. Ya Allah, kami mengharap perlindungan-Mu, daripada hilangnya nikmat yang Engkau berikan, dari berubahnya kesihatan yang Engkau kurniakan, lindungi negeri kami dari datangnya bencana dan malapetaka. Ya Allah, hanya Engkau yang Maha menyelamatkan, selamatkan Masjid Al Aqsa di Palestin.

11



Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.

12

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا.

13

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٣٦﴾.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا

14

عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٦﴾

فَإِذْ كُرُوا اللَّهُ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ

15

فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.